

Aneurysm Aorta Abdomen (Abdominal Aortic Aneurysm, AAA)

Dr. Mohd Mazri Yahya

www.papisma.org/panduankesihatan/


Apakah itu aneurysm?

- Aneurysme merupakan pembengkakan saluran darah.
- Perkataan ini diambil dari perkataan Greek 'aneurysma' yang bermaksud pelebaran

Apakah itu aneurysm aorta?

- Aorta ialah salur darah utama yang membekalkan darah dari jantung ke seluruh organ tubuh
- Ia dibahagikan kepada dua iaitu aorta toraks yang berada di ruang toraks dan aorta abdomen di ruang abdomen.
- Aorta abdomen bermula dari bahagian bawah diafragma (otot yang membahagikan ruang toraks dan abdomen) sehingga ianya membahagi kepada dua salur darah iliak yang akan membekalkan darah ke kaki.

Aneurysme merupakan pembengkakan sebahagian daripada dinding salur darah. Ini berpunca dari kelemahan sebahagian dinding salur darah



Apakah itu aneurysme aorta abdomen (AAA)

- Aneurysme aorta boleh berlaku di mana-mana bahagian aorta.
 - Kebanyakan daripadanya berlaku di ruang abdomen dan dipanggil AAA (abdominal aortic aneurysm).
 - Hampir 90% daripada AAA berlaku di bawah salur darah ke ginjal.
- Hampir 2/3 daripada AAA juga melibatkan salur darah iliak.

Apakah bentuk AAA?

- Bentuk AAA adalah lonjong (spindle).
 - Walaubagaimanapun, terdapat segelintir AAA yang mempunyai pembengkakan yang tidak sekata dan melibatkan sebahagian dinding sahaja dan ini dipanggil bentuk sakular. Jenis AAA ini kerap kali disebabkan oleh jangkitan kuman.



Apakah kandungan AAA?


- Kandungan AAA adalah darah yang mengalir dari jantung dan juga darah beku

Siapakah yang sering menghidap penyakit AAA?

- AAA kerap berlaku pada golongan yang berumur lebih dari 60 tahun.
- Kaum lelaki pula 5 kali lebih kerap menghidap penyakit ini jika dibandingkan dengan kaum wanita

Apakah punca utama AAA?

- Punca utama AAA adakah 'ateriosclerosis' atau pengerasan arteri.
- Hampir 90% daripada AAA berpunca dari arteriosclerosis.
- Arteriosclerosis akan menyebabkan kelemahan pada dinding aorta.



Pengaliran darah yang deras melalui dinding yang lemah ini akan menyebabkan dinding ini menjadi nipis dan membengkak keluar dan seterusnya menyebabkan aneurysm.

Apakah punca-punca lain atau risiko menghidap AAA?

- Merokok – merokok bukan sahaja menambah risiko seseorang itu menghidap AAA malah kejadian kebocoran AAA yang boleh membawa maut lebih kerap terjadi pada orang yang menghisap rokok.
- Darah tinggi
- Paras kolesterol yang tinggi
- Kencing manis
- Keturunan
- Individu yang mempunyai ahli keluarga yang menghidap AAA lebih kerap mengalami penyakit yang sama. Malah penyakit ini berlaku pada usia dan lebih muda dan kadar kebocoran yang lebih tinggi.
- Penyakit lain seperti Takayasu's arteritis, sindrom Marfan dan sindrom Ehlers-Danlos
- Jangkitan kuman- Jangkitan kuman pada aorta boleh berlaku pada penyalah guna dadah, pesakit injap jantung dan juga pesakit ketahanan badan yang rendah.

Apakah gejala penyakit AAA?

- Kebanyakan dari pesakit AAA tidak mengalami apa-apa gejala.
- Penyakit ini ditemui semasa pesakit berjumpa dengan doktor disebabkan penyakit lain atau semasa pemeriksaan kesihatan.

- Kadang-kadang penyakit ini ditemui tanpa sengaja melalui pemeriksaan CT scan atau ultrasound.
- Sakit adalah gejala utama sekiranya terdapat gejala.
- Pesakit AAA mengalami sakit yang dalam yang berlaku pada bahagian bawah abdomen atau di bahagian pinggang.
- Pesakit juga mungkin akan merasa degupan yang tidak normal pada abdomen
- Sekiranya kesakitan tersebut bertambah secara mendadak diikuti dengan sakit di bahagian pinggang, ini mungkin disebabkan kadar pembesaran AAA yang berlaku dengan cepat.
- Pembesaran AAA yang cepat boleh menyebabkan pemecahan dinding aorta.
- Pemecahan dinding aorta akan menyebabkan kesakitan yang teramat sangat di bahagian bawah abdomen yang mungkin merebak ke pinggang.
- Pendarahan dalaman yang banyak disebabkan darah yang bocor ke dalam ruang abdomen akan menyebabkan penurunan tekanan darah dan seterusnya kematian.

Bagaimakah penyakit AAA di temui secara klinikal?

- Pemeriksaan teliti oleh doktor boleh menemui pembengkakan di abdomen yang mempunyai degupan mengikut rentak jantung.
- Pembengkakan ini berlaku di bahagian tengah abdomen.
- Penyakit ini lebih susah dikesan pada pesakit yang gemuk yang mempunyai dinding abdomen yang tebal.
- AAA yang membesar dengan cepat atau hampir pecah lebih sakit bila ditekan.


Apakah ujian-ujian yang akan membantu dalam diagnosis dan rawatan AAA?

- Pemeriksaan ultrasound

Merupakan ujian yang kerap dilakukan untuk penyakit AAA. Ia digunakan sebagai ujian saringan (screening) dan juga sebagai ujian berkala untuk memantau saiz AAA.



- Pemeriksaan CT scan



Ujian yang berkesan yang akan menunjukkan pelbagai

bentuk serta ukuran aneurysme. Ini akan membantu para doktor untuk membuat keputusan untuk jenis rawatan yang paling sesuai untuk pesakit. Pemeriksaan ini memerlukan pendedahan kepada sinar radiasi yang banyak dan memerlukan suntikan bahan kontras ke dalam darah.

- Pemeriksaan MRI

Ujian alternatif bagi ujian CT scan. Butir-butir yang diperolehi dari pemeriksaan MRI adalah lebih baik dari CT scan dan ia tidak melibatkan sinaran radiasi atau penggunaan suntikan kontras yang dapat merosakkan buah pinggang. Keburukan ujian ini adalah kos yang tinggi serta ketiadaan perkhimatan di kebanyakan hospital.

Apakah yang akan berlaku pada pesakit AAA?


- Nasib pesakit AAA bergantung kepada saiz dan kadar pembesaran AAA.
- Pesakit yang mempunyai saiz AAA melebihi 5.5cm atau kadar pembesaran lebih 1cm setahun mempunyai risiko yang tinggi untuk bocor dan seterusnya pecah.
- Oleh yang demikian pembedahan disyorkan bagi pesakit lelaki dengan saiz melebihi 5.5cm dan wanita dengan saiz aorta melebihi 5.0cm.

Apakah komplikasi penyakit AAA?

- Pecah salur darah. Kebocoran yang disebabkan pecahnya aorta merupakan komplikasi yang ditakuti. Pemecahan dinding aorta akan menyebabkan pendarahan dalaman yang teruk dan akan mengakibatkan kematian. Hampir 90% daripada pesakit yang mengalami pemecahan dinding aorta akan mati dan hampir separuh daripada bilangan ini tidak akan sempat sampai ke hospital. Hampir separuh pesakit yang mengalami AAA yang tidak dirawat akan mati dalam masa 5 tahun.
- Penyumbatan salur darah. Darah beku yang terbentuk disebabkan pengaliran darah yang tidak sekata (turbulen) boleh menyumbatkan saluran darah terutamanya di kaki pesakit. Ini akan menyebabkan kaki mati dan perlu dipotong.
- Hakisan tulang belakang. Pengaliran darah yang laju terutamanya pada saluran darah yang bocor boleh menyebabkan hakisan tulang belakang dan kerosakan urat saraf. Pesakit biasanya akan mengalami sakit belakang yang serius


Apakah rawatan AAA?

- **Pembedahan**
 - Rawatan AAA secara amnya hanyalah pembedahan.
 - Rawatan secara perubatan hanya akan melambatkan pembesaran saiz AAA. Secara amnya, salur aorta yang bengkak dan rosak dindingnya digantikan dengan salur aorta yang baru.
 - Salur aorta yang baru adalah diperbuat dari sejenis kain sintetik polyester yang dipanggil graf Dacron.
 - Risiko pembedahan adalah agak kecil iaitu 5% kematian bagi pembedahan yang dirancang.
 - Ini adalah sangat baik jika dibandingkan dengan 90% kematian sekiranya salur darah tersebut pecah



- **Rawatan endovaskular**

- Ini merupakan rawatan terbaru bagi penyakit aneurysm aorta
- Ia dilakukan dengan memasukkan salur aorta baru(aortic stent) melalui salur darah femoral di kaki
- Cara ini adalah lebih selamat tetapi kosnya sangat mahal
- Pembedahan cara ini sangat berguna kepada pesakit yang mempunyai masalah kesihatan yang tidak memungkinkan pembedahan biasa dilakukan.



Dr. Mohd Mazri Yahya

Pakar Perunding Bedah Am, Vaskular dan Endovaskular
Hospital Kuala Lumpur